

27/02/1997

Masalah remaja agenda BN

BENTONG, Rabu - Kabinet hari ini memutuskan supaya semua parti komponen Barisan Nasional (BN) memikul tanggungjawab membanteras gejala sosial, khususnya membabitkan remaja, yang semakin serius.

Sehubungan itu, jemaah menteri bersetuju supaya satu mesyuarat khas pemimpin kanan parti-parti komponen diadakan bulan depan khusus untuk membincangkan masalah itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tugas membanteras gejala sosial kini bukan lagi tugas pihak berkuasa semata-mata tetapi menjadi tanggungjawab semua pihak.

"Kita ambil keputusan akan adakan satu mesyuarat khusus bagi BN mengenai masalah sosial dan satu dua masalah lain bulan depan supaya semua pihak mengambil bahagian dalam usaha mengatasinya.

"Mesyuarat berkenaan akan dihadiri beberapa pemimpin kanan setiap parti. Bagaimanapun ia tidak membabitkan pihak lain dari luar BN," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Resort Bukit Tinggi, pusat peranginan tanah tinggi terbaru di Bukit Tinggi, dekat sini.

Mesyuarat hampir tiga jam itu dihadiri oleh Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan semua menteri kecuali Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat kerana berada di luar negara.

Menurut Dr Mahathir, semua pihak harus tahu latar belakang permasalahan gejala sosial yang melanda segenap lapisan masyarakat sekarang sebelum menggariskan tindakan untuk membanterasnya.

Beliau turut menyokong tindakan Pergerakan Pemuda Umno untuk melakukan kaji selidik dan mengumpulkan maklumat kegiatan yang mendorong gejala sosial khususnya membabitkan anak muda Melayu di seluruh negara.

Selain itu Pemuda Umno bahagian akan pergi ke sekolah untuk mendaftar pelajar yang terbabit dengan gejala sosial supaya menjalani latihan separuh tentera dalam Briged Putera.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai kenyataan Najib bahawa polis akan melihat kemungkinan menguatkuasakan peruntukan dalam Akta Juvana 1973 yang menyatakan ibu bapa boleh dipertanggungjawabkan oleh mahkamah jika anak mereka terus melakukan perbuatan salah laku yang buruk.

Beliau bagaimanapun tidak mengulas lanjut kerana belum tahu keputusan sebenar polis.

"Saya tak tau apa sebenarnya keputusan pihak polis. Saya perlu tahu dengan teliti dan terperinci sebelum buat apa-apa komen," katanya.

Ditanya kenapa mesyuarat Kabinet diadakan di luar Kuala Lumpur minggu ini, Dr Mahathir menjelaskan, ia adalah susulan mesyuarat minggu lalu yang bersetuju semua ahli Kabinet menghadiri majlis jamuan teh Jepun sebagai satu cara mendisiplinkan diri.

"Ini mesyuarat biasa Kabinet. Sebenarnya minggu sudah kita bincang mengenai majlis minum teh Jepun sebagai satu acara mengajar disiplin diri. Jadi, kita berpendapat eloklah kalau kita ada satu majlis minum teh supaya kita boleh lihat bagaimana orang Jepun mendisiplinkan diri mereka.

"Kita hendak semua ahli Kabinet hadir dan lihat. Kita berpendapat satu daripada tempat yang sesuai ialah Japanese Teahouse di Bukit Tinggi ini.

Ada yang cadang kalau nak pergi Bukit Tinggi nak tengok majlis minum teh saja teruk sangatlah. Jadi lebih baik diadakan mesyuarat Kabinet di sini

walaupun tempatnya tidak begitu sesuai," katanya.
(END)